

PUNCA TERJADINYA JENAYAH CURI DAN ROMPAK DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Norfaezah Saban¹

Abstrak


Kes jenayah curi dan rompak merupakan dua jenis jenayah yang hangat diperkatakan di Negara Brunei Darussalam. Artikel ini ditulis bertujuan untuk mencari punca utama terjadinya jenayah curi dan rompak yang hangat diperkatakan di Negara kita ini dari tahun ke tahun walaupun setelah pengisytiharan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah telah dilakukan sejak tahun 2013 lagi. Perkara ini menimbulkan persoalan dan pertanyaan apakah punca yang sebenarnya kes bagi jenayah curi dan rompak ini seakan-akan sukar untuk dibendung. Antara persoalan yang timbul apakah pemberigaan tentang undang-undang hukuman hudud ini tidak memberi kesan kepada masyarakat. Adapun metodologi kajian yang digunakan adalah mix-method iaitu kualitatif bagi kaedah temubual dan juga kuantitatif bagi kaedah kajiselidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa punca terjadinya jenayah curi dan rompak ini ialah berpunca daripada berbagai faktor yang mana faktor utama ialah seramai 458 orang responden mengatakan punca utama ialah kesempitan hidup di samping diperkuatkan lagi dengan kenyataan seramai 229 orang responden bahawa faktor lain yang mendorong kepada berlakunya jenayah curi dan rompak ini antaranya ialah berkait rapat dengan pengaruh dadah.

Kata kunci: punca- curi – rompak.

¹ Mahasiswi Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

Pendahuluan

Data statistik yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah dan Jabatan Siasatan Jenayah telah menyatakan bahawa kes yang membabitkan jenayah curi dan rompak adalah mencapai tahap ribu. (Rujuk Jadual 1)



Jadual 1: Data Statistik Curi Daripada Jabatan Siasatan Jenayah


Bagi menjawab objektif kajian dan menyelesaikan permasalahan kajian ini dua kaedah telah dibuat iaitu kajiselidik dan jugak temubual. Responden bagi kajian ini adalah terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian pertama adalah terdiri daripada kalangan masyarakat, manakala bahagian kedua ialah banduan perempuan seramai 3 orang banduan yang dibenarkan oleh pihak Penjara Wanita Maraburong manakala bahagian ketiga pula ialah banduan lelaki seramai 54 orang banduan sahaja.

Sampel kajian ini adalah seramai 843 orang responden yang dijalankan secara kajiselidik dalam talian boleh dilayari melalui (www.bit.ly/kajian-Hadd). Kaji selidik ini dibukakan selama 3 hari sahaja memandangkan keramaian respondennya sudah lebih dari mencukupi iaitu 2% bagi mewakili dari jumlah penduduk Brunei Darussalam iaitu seramai 420 ribu orang².

Hasil dapatan setiap item dihuraikan secara terperinci seperti di bawah ini.


1.1 Dapatan Kaji Selidik Terhadap Orang Awam

² Jumlah Penduduk Brunei Darussalam Tahun 2022 dan Perkembangannya (oriflameid.com)




Rajah 1: Jantina

Rajah 1 ialah analisa data responden melalui kajiselidik 'Online' bermula dengan jantina iaitu seramai 431 perempuan (51.1%) dan 412 lelaki (48.9%) yang membawa jumlah keseluruhan iaitu seramai 843 orang.



Rajah 2: Umur

Adapun rajah yang kedua ialah mengenai umur responden yang terdiri daripada mereka yang berumur di bawah 12 tahun hingga 61 tahun ke atas.




Rajah 3: Tahap Pendidikan

Adapun di antara tahap pendidikan responden ialah peringkat PhD dan tidak ada sijil pendidikan. Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam demografi di atas adalah

bertujuan untuk menilai sejauhmanakah keberhasilan kajian ini dijalankan di kalangan masyarakat yang berbeza dari pelbagai latarbelakang dan tahap pendidikan dalam menilai tahap kefahaman mereka terhadap undang-undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang akan

diterangkan selepas ini sepertimana yang diharapkan oleh KDYMM di dalam titah baginda pada tahun 2013³.


1.2 Pengetahuan Umum Tentang Jenayah Curi dan Rompak dalam Hukuman *Hudud*



Rajah 4: Pernah Mendengar tentang Hadd

Persoalan yang pertama diajukan adalah berkaitan dengan pengetahuan tentang *hudud* iaitu seramai 833 (98.8%) responden menjawab ‘Ya’ dan hanya 10 responden (1.2%) yang menjawab ‘Tidak’ pernah mendengar tentang

hudud. Ini menunjukkan perkara *hudud* di Brunei Darussalam itu sudah tersebar luas di kalangan masyarakat Brunei khususnya.




Rajah 5: Mengetahui Perkataan Hudud

Item ini ingin mengetahui secara umum maksud *hudud* iaitu seramai 662 (78.5%) responden menjawab ‘Ya’, seramai 69 responden (8.2%) yang tidak faham tentang maksud *hudud* dan seramai 112 responden (13.3%) yang

menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan perkara *hudud* di Brunei Darussalam sudah ramai yang mengetahuinya walaupun masih terdapat berapa responden tidak pasti mengenainya.

³ Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2013. Negara Brunei Darussalam : Jabatan Penerangan , hlm. 89-90.



Rajah 6: Pengetahuan Hukum Termasuk Dalam Hadd

Item ini bagi mengenal pasti respon ingin mengetahui secara umum perkara-perkara yang termasuk dalam hukuman *hudud* iaitu amaran / nasihat seramai 251 (29.8%) responden, denda seramai 301 (35.7%) responden, penjara seramai 255 (30.2%) responden, potong tangan seramai 598 (70.9%) responden, sebat seramai 552 (65.5%) responden, rejam sampai mati seramai 492 (58.4%) responden, bunuh seramai 329 (39%) responden, dan responden yang menjawab semua perkara-perkara di atas seramai 281 (33.3%).


Item ini bagi mengenal pasti respon ingin mengetahui secara umum perkara-perkara yang termasuk dalam hukuman *hudud* iaitu amaran / nasihat seramai 251 (29.8%) responden, denda seramai 301 (35.7%) responden, penjara seramai 255 (30.2%) responden, potong tangan seramai 598 (70.9%) responden, sebat seramai 552 (65.5%) responden, rejam sampai mati seramai 492 (58.4%) responden, bunuh seramai 329 (39%) responden, dan responden yang menjawab semua perkara-perkara di atas seramai 281 (33.3%).



Rajah 7: Semua Kes Curi di Kenakan Hukuman Hudud

Dapatan kajian dari responden seterusnya, untuk mengetahui pengetahuan umum masyarakat Brunei mengenai jenayah curi atau rompak itu adalah patut dikenakan hukuman *hudud* atau tidak iaitu seramai 487 (57.8%) responden menjawab ‘Ya’ dan seramai 356 (42.2%) responden yang menjawab ‘Tidak’.

Dapatan kajian dari responden seterusnya, untuk mengetahui pengetahuan umum masyarakat Brunei mengenai jenayah curi atau rompak itu adalah patut dikenakan hukuman *hudud* atau tidak iaitu seramai 487 (57.8%) responden menjawab ‘Ya’ dan seramai 356 (42.2%) responden yang menjawab ‘Tidak’.



1. Adapun antara hujah responden yang menunjukkan bahawa mereka faham tentang hudud adalah dinyatakan di bawah ini dengan jumlah dan peratus mengenainya.

- Mencuri makanan utk mengalaz perut tidak menjadi kesalahan
- Ikut sukatan mencuri & org punya barang maafkanlah
- Tidak sampai haul barang yang dicuri

- Jika ia miskin dan perlu sangat makanan
- Jika mencuri kerana kelaparan / untuk survival
- Jika terpaksa disebabkan tiada makanan so boleh
- Kerana kalau hanya sekali ia melakukan curi, akan hanya dikenakan hukuman ringan saja
- Kerana jikalau pencuri itu adalah orang miskin maka tidak dikenakan hukum *hudud*
- Apabila tiada pilihan lagi selain mencuri untuk meneruskan hidup
- Jika barang yg dicuri itu berada diluar kawasan rumah tidak perlu dikenakan *hudud*
- Boleh disebabkan atas desakkan kehidupan
- Mencuri kerana kemiskinan
- kalau sekiranya harta curian itu tidak lebih \$300 maka tidak dijatuhi hukuman potong tangan


Hasil semua alasan yang responden nyatakan telah dikumpulkan dan menjadi 9 tema seperti yang di nyatakan di dalam jadual dibawah:

Bil	Perkara (Alasan)	Jumlah	Peratus (%)
1	Tertakluk jumlah/perkara yang dicuri	95	27.7
2	Jika sabit kesalahan baru dijatuhkan hukuman	64	18.7
3	Perlu ada saksi	56	16.3
4	Dilihat sebabnya mencuri	44	12.8
5.	Siasat dan ada bukti	40	11.7
6	Alasan tidak jelas	32	9.3
7	Hukum takzir jika tidak cukup syarat mencuri	6	1.7
8	Boleh jadi ke mahkamah sivil	5	1.5
9	Mencuri sudah jelas tapi dimaafkan oleh mangsa	1	0.3

Jadual 2: Pengetahuan Responden Kenapa Jenayah Curi dan Rompak Tidak di Hukumkan Hudud

Tema alasan yang paling banyak diberikan ialah tertakluk kepada jumlah / perkara yang dicuri dan tema alasan yang paling sedikit ialah mencuri sudah jelas tapi dimaafkan oleh mangsa.

1.3 Punca Utama Terjadinya Jenayah Curi Dan Rompak



Rajah 8: Punca Utama Terjadinya Jenayah Curi dan Rompak

Adapun terdapat pelbagai pendapat masyarakat dalam membuat tanggapan antara penyebab utama terjadinya jenayah curi

dan rompak di Brunei Darussalam. Anggapan yang paling tinggi jumlahnya ialah mengatakan bahawa penyebab utama adalah kesempitan hidup seramai 422 (50.1%).

8. Jika ada lagi penyebab terjadinya jenayah curi dan rompak di Brunei Darussalam yang tidak disenaraikan di atas, sila tambah di bawah ini. (If there is other cause of theft or robbery in Brunei Darussalam beside above. Please write it down here)

424 responses

2. Untuk mendapatkan jawapan tambahan mengenai penyebab terjadinya jenayah curi dan rompak di Brunei Darussalam. Dinyatakan beberapa jawapan tambahan responden yang sangat bernilai untuk diambil tahu.

- Kerana Dadah dan di abai kan keluarga tanpa didikan dan kurang kasih sayang
- Pemalas
- Tabiat suka mencuri
- Masalah mengambil Benda2 yg terlarang
- Kurang Mendalami Ilmu Ugama
- Show off Di media sosial
- Family problems for an example a broken family.
- Tarikan gaya hidup seseorang yg mnyebakn ada niat org untuk mncuri dan merompak
- Mencabar peranan hukum hudud.
- Denda yang ringan dan tidak setimpal dengan jenayah yang dilakukan yang telah di jatuhkan okeh mahkamah sivil, malahan

pegawai2 undang2 yang mengambil wang dari orang2 muflis pun tidak setimpal dendanya.

- Pencuri kalau keluar penjara tolong di beri kerja kerja
- Fakir miskin tiada punya apa2, barang asasi harga nya menaik menyukarkan belajawan harian
- Pencuri dan perompak tidak serik dengan jenayah kerana undang-undang hukum jenayah syariah belum berkuatkuasa
- jealousy, because happened to me my friend stole my money

Antara pandangan tambahan responden terhadap penyebab utama terjadinya kes curi dan rompak yang telah dinyatakan sebahagiannya diatas telah menjadi 12 tema. Tema tersebut dinyatakan di bawah ini secara terkumpul, jumlah dan peratus mengenainya.

Bil	Perkara (Jawapan Tambahan)	Jumlah	Peratus (%)
1	Kerana Dadah	198	46.70%
2	Kurang Didikan Ilmu Agama	37	8.73%
3	Mahu hidup senang dan mudah	21	4.95%
4	Pengabaian Iubapa dan Keluarga	14	3.30%
5	Tambah pendapatan dengan cara mudah	7	1.65%
6	Cemburu dan irihati	6	1.42%
7	Gangguan Mental	6	1.42%
8	Bukan orang tempatan yang mencuri	1	0.23%
9	Sumber makanan langsung tidak ada	1	0.23%
10	Minta perhatian orang	1	0.23%
11	Hukuman bagi mencuri belum dijalankan	1	0.23%
12	Kelewatan bantuan dari pihak berkenaan	1	0.23%
	Jumlah	294	69.34%
	Baki (Jawapan nya sama seperti di nombor 7)	130	30.66%


Jadual 3: Jawapan Tambahan Penyebab Terjadi Jenayah Curi dan Rompak

Sesuatu yang memeranjatkan dari dapatan item ini di mana persepsi masyarakat Brunei selain kerana kesempitan hidup, ianya juga adalah disebabkan kerana dadah (46.7%). Ini menunjukkan bahawa masyarakat beranggapan isu dadah menjadi punca penjenayah mencuri sama ada tidak ada wang untuk membeli dadah, diugut untuk membayar hutang dadah dan sebagainya. Namun adakah anggapan ini tepat atau sebaliknya.

Untuk menjawab dan memastikan antara punca sebenar terjadinya jenayah curi dan rompak, temubual dan kajiselidik terhadap banduan di Penjara Maraburong Fasa 1 dan 3 dan juga Penjara Jerudong telah dijalankan dan hasilnya dinyatakan di bahagian seterusnya.

1.4 Dapatan Kaji Selidik Responden Jenayah Curi


Responden adalah seramai 54 orang yang terdiri daripada banduan lelaki yang ditempatkan di Penjara Maraburong, Tutong. Banduan yang dipilih adalah banduan yang dibenarkan keluar untuk bekerja di dalam kawasan penjara. Seramai 18 orang banduan terpilih terdiri daripada banduan Fasa 3 iaitu melakukan jenayah curi lebih daripada sekali. Manakala seramai 36 orang banduan terpilih yang terdiri daripada banduan Fasa 1 iaitu melakukan jenayah curi buat pertama kali. Data dibawah adalah hasil yang telah diberikan oleh Puan Leeza selaku Pegawai Penjara.



Rajah 9 : Tahap Pendidikan Sekolah Responden

Tahap pendidikan sekolah responden juga menjadi item penting di dalam soalan kaji selidik yang telah diberikan. Hasil kaji selidik tersebut menyatakan bahawa tahap yang paling tertinggi di kalangan responden adalah tahap pendidikan menengah bawah iaitu seramai 31 orang, di ikuti seramai 10 orang responden tidak bersekolah, 8 daripada 54 responden tersebut adalah berpendidikan tahap menengah atas, seramai 4 orang ditahap sekolah rendah dan seorang pada tahap Ntc, BTC, Pre Diploma.

pendidikan menengah bawah iaitu seramai 31 orang, di ikuti seramai 10 orang responden tidak bersekolah, 8 daripada 54 responden tersebut adalah berpendidikan tahap menengah atas, seramai 4 orang ditahap sekolah rendah dan seorang pada tahap Ntc, BTC, Pre Diploma.



Rajah 10: Umur Responden Ketika Melakukan Kesalahan

Adapun hasil yang diperolehi telah menunjukkan bahawa golongan yang paling ramai melakukan jenayah curi adalah terdiri daripada responden yang berumur di antara 31-40 tahun iaitu seramai 26 orang.

Diikuti dengan golongan belia iaitu berumur di antara 18 -30 tahun iaitu seramai 19 orang. Manakala seramai 5 orang bagi responden yang berumur diantara 41 -50 tahun, terdapat juga responden yang berumur dibawah 18 tahun iaitu seramai 3 orang dan hanya seorang sahaja yang berumur 51 tahun ke atas.



Rajah 11: Tahap Pendidikan Sekolah Ugama

Tahap pendidikan sekolah ugama bagi responden menunjukkan bahawa seramai 13 orang responden telah tamat sekolah ugama sehingga darjah 6.


Manakala seramai 12 orang responden hanya bersekolah ugama sehingga darjah 5 sahaja. Di ikuti dengan seramai 9 orang responden yang bersekolah ugama sehingga darjah 4 sahaja, 6 orang responden yang hanya brsekolah ugama setakat darjah 3 dan 2 orang hanya setakat darjah 2. Ada juga yang berhenti belajar pada darjah 1 lagi dan 2 daripada responden bersekolah ugama hanya setakat darjah pra. Tahap pendidikan sekolah ugama ini juga boleh memberi kesan pada pengetahuan responden itu sendiri.



Rajah 12: Hubungan dengan keluarga

Mengenai tahap perhubungan kekeluargaan juga antara faktor yang perlu dititikberatkan bertepatan dengan pandangan masyarakat yang mengatakan antara punca utama terjadinya

jenayah curi dan rompak di dalam kaji selidik yang telah diedarkan adalah hubungan dengan keluarga yang bermasalah. Namun hasil kajian terhadap responden banduan itu sendiri seramai 51 orang daripada 54 orang mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik hanya 3 orang sahaja yang mempunyai hubungan keluarga yang bermasalah.



Rajah 13: Pekerjaan Sebelum Dipenjarakan

Adapun mengetahui apakah pekerjaan responden banduan sebelum dipenjarakan adalah amat penting bagi menjawab anggapan masyarakat yang mengatakan bahawa tiadanya pekerjaan merupakan punca

utama terjadinya jenayah curi dan rompak. Namun hasil kajian terhadap banduan itu sendiri menyatakan bahawa seramai 37 daripada 54 responden itu mempunyai pekerjaan samada bekerja dengan sektor kerajaan, swasta mahupun berniaga sendiri.

Segala maklumat yang diperolehi adalah dikaji untuk menentukan tahap pengetahuan responden mengenai hukuman hudud yang telah diisytiharkan pada tahun 2013 dan punca sebenar mereka melakukan jenayah curi bagi menjawab tanggapan masyarakat terhadap penjenayah itu sendiri.

1.4.1 Pengetahuan Umum Tentang Hukuman Curi




Rajah 14: Pengetahuan tentang hukuman potong tangan dari segi syariah

Tahap pengetahuan responden mengenai hukuman terhadap jenayah curi menunjukkan bahawa seramai 36 orang banduan

tahu bahawa hukuman bagi jenayah curi adalah potong tangan dari segi syariah. Namun mengejutkan bahawa masih terdapat banduan yang

mengatakan bahawa mereka tidak mengetahui hukuman mencuri dari segi syariah adalah potong tangan. Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan kurang dalam mengusahakan menyebarkan ataupun memberigakan tentang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 sehingga menyebabkan masih terdapat masyarakat Brunei yang tidak mengetahui mengenainya. Namun sejauhmanakah kepentingan pemberigaaan mengenai hukuman itu memberi kesan terhadap penjenayah juga perlu diambil kira.

1.4.2 Punca utama Responden Melakukan Jenayah



Rajah 15: Sebab/ Punca Responden Melakukan Jenayah

Demi menjawab pandangan dan pendapat msyarakat yang telah pun dinyatakan pada rajah 22 bahawa kesempitan hidup antara

punca utama responden melakukan jenayah adalah tepat. Ini kerana seramai 36 responden dariapda 54 banduan telah menyatakan bahawa masalah kewangan adalah punca mereka melakukan jenayah. Manakala punca yang kedua teringgi adalah dadah.

1.4.3 Temubual Bersama Banduan Wanita.

Menyentuh mengenai perbincangan dan maklum balas selepas menemubual 3 orang banduan wanita yang berada di Institusi Penjara Wanita. Responden -responden tersebut berumur antara 27 hingga 39 tahun.

Responden pertama ialah seorang banduan wanita berumur 27 tahun, mempunyai tahap pendidikan Tertinggi Sekolah Vokasional dan habis sekolah Ugama. Berlatar belakang keluarga yang berkemampuan. Pengetahuan tentang *hudud* pernah mendengar tentang *hudud* dan merasa takut apabila kerajaan Brunei ingin melaksanakan undang-undang *hudud*. Antara contoh hukuman *hudud* yang beliau nyatakan apabila diitanya adalah apabila mencuri kena potong tangan. Beliau menyatakan bahawa sebab utama beliau mencuri adalah berkaitan dengan hal kekeluargaan iaitu ibubapa beliau terlalu memberi kebebasan yang dimahukan dan pengaruh kawan bukan berkaitan dengan dadah, kesempitan hidup, tiada

pekerjaan mahupun keadaan memaksa. Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama 3 Tahun dan 4 bulan (Kali pertama)

Manakala responden kedua ialah seorang banduan wanita berumur 34 tahun. Tahap pendidikan tingkatan 1. Beliau bekerja sendiri dengan meniaga (berdagang) dan kehidupan beliau adalah hidup sendiri tanpa ibubapa (meninggal) berharap rumah kebajikan. Tahap pengetahuan beliau tentang hudud adalah setakat pernah mendengar tentang hudud dan merasa takut apabila kerajaan Brunei ingin melaksanakan undang-undang *hudud*. Beliau juga mengetahui bahawa antara hukuman *hudud* yang diketahui ialah apabila mencuri kena potong tangan. Adapun sebab beliau melakukan jenayah curi adalah dituduh bersubahat (berkawan dengan pencuri) dan di pengaruhi oleh dadah (tiada perasaan takut apabila ditangkap). Atas kesalahan yang dilakukan beliau telah dijatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan (Kali kedua masuk penjara).

Bagi responden ketiga pula beliau ialah seorang banduan wanita yang berumur 39 tahun dan bekerja sebagai sekuriti. Pengetahuan tentang *hudud* ialah beliau mengaku pernah mendengar tentang *hudud* dan merasa takut apabila kerajaan Brunei ingin melaksanakan undang-undang *hudud*. Contoh hukuman *hudud* yang diketahui ialah apabila mencuri kena potong tangan. Beliau juga menyatakan sebab utama beliau mencuri adalah kerana keadaan memaksa iaitu tidak mempunyai kereta untuk pergi bekerja. dipengaruhi dadah sehingga menyebabkan hilangnya perasaan takut ditangkap dan beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak percaya bahawa tangan pencuri akan dipotong jika sabit kesalahan kerana beliau tidak pernah melihat mahupun mendengar hukuman itu dijalankan di negara ini. Atas kesalahan yang dilakukan hukuman penjara selama 16 bulan telah dijatuhkan ke atas beliau untuk kesalahan kali ketiga.

1.5 Analisis Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Hukuman Jenayah Curi Dan Rompak

Tahap pengetahuan responden orang awam dengan banduan mengenai hukuman terhadap jenayah curi menunjukkan bahawa masih ada dikalangan masyarakat Brunei tidak mengetahui hukuman bagi jenayah curi dari sudut perundangan syariah ialah potong tangan.

Mereka yang mengaku tahu hukuman *hudud* tetapi tidak memahami secara jelas berkenaan *hudud* sehingga beranggapan bahawa

kesemua hukuman yang dinyatakan adalah termasuk dalam hukuman *hudud* untuk jenayah curi dan rompak.

Bolehlah dikatakan bahawa pemberigaan yang telah dijalankan dan dilaksanakan belum dianggap sampai ke tahap maksimum. Ini menyebabkan masih terdapat dalam kalangan masyarakat yang tidak mengetahui dan kurang memahami maksud sebenar hudud. Meskipun pelbagai usaha telah dibuat sepertimana yang dinyatakan oleh Pegawai Unit Perundangan Islam, pihak berkenaan telah mengatakan bahawa pemberigaan telah pun dijalankan dari pelbagai sudut namun pihak berkenaan sendiri telah mengakui mungkin belum sepenuhnya kerana pada masa ini perkara tersebut telah pun kurang dibincangkan dan hampir tidak kedengaran di mana-mana mengenai hukum *hudud* ini berbanding pada permulaan ianya diisytiharkan.

Dari sudut tahap pendidikan responden banduan turut menyumbang ke arah pengetahuan mengenai hukum berkenaan. Di mana tahap pendidikan sekolah agama di antara responden banduan adalah berada ditahap sederhana. Kenyataan ini juga disokong dengan hasil kajian Noraini dan Arman Kasimin yang menyentuh mengenai hubungkait didikan agama dengan perlakuan jenayah.

Peringkat umur dikalangan responden banduan lelaki hasil kajian telah menunjukkan bahawa kecenderungan melakukan jenayah tidak terhad pada peringkat umur seperti mana yang dinyatakan oleh Dayang Dora binti Haji Hosaini/ Saini dalam kajian yang bertajuk gejala sosial di Daerah Brunei Muara: Kes Pecah Rumah dan Curi dan juga kajian Haji Ismaliee Haji Ismail yang bertajuk Kes Curi Di Daerah Brunei Muara dari tahun 1999 hingga tahun 2004. Namun hasil yang diperolehi juga menunjukkan bahawa golongan yang paling ramai melakukan jenayah ini ialah golongan remaja sehingga yang berumur dalam lingkungan 30an. Kenyataan ini bersesuaian dengan kajian terbitan Kartini Kartono yang bertajuk "Patologi Sosial 2: Kenakalan Remaja" yang menyentuh tentang kenakalan remaja (Juvenile Delinquency) dan bentuk kejahatan remaja sehingga mereka boleh terjebak kepada jenayah.

1.5.1 Faktor Penyumbang Berlakunya Jenayah Curi Dan Rompak

Hasil dari data-data primer dan sekunder di atas dapatlah dikenalpasti pelbagai faktor penyumbang berlakunya jenayah curi dan rompak seperti berikut:

a) Kesempitan Hidup – Pengangguran /Tiada Pekerjaan / Masalah Kewangan

Pendapat yang diutarakan oleh masyarakat awam sebanyak 50.1 peratus yang menilai mereka yang melakukan jenayah ini adalah kerana kesempitan hidup yang berkemungkinan berpunca dari tiada pekerjaan yang tetap untuk kelangsungan hidup yang memaksa mereka untuk mencuri. Menurut kajiselidik yang dijalankan ke atas banduan, 36 orang menyatakan punca melakukan curi adalah kerana kesempitan hidup. Meskipun majoriti banduan berkenaan mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang tetap.

b) Pengaruh Dadah

Diikuti dengan pengaruh dadah sebanyak 46.7 peratus telah membuktikan tanggapan masyarakat itu hampir sama dengan jawapan kebanyakan responden banduan lelaki ialah seramai 32 orang banduan bahawa ianya adalah disebabkan pengaruh dadah. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah penagihan dadah sedang mengancam kehidupan manusia khususnya masyarakat di negara ini. Masalah ini juga terdapat di negara-negara lain. Sesungguhnya masalah ini mendatangkan kesan yang buruk kepada individu itu sendiri, keluarga, masyarakat, ekonomi dan keselamatan negara. Kenyataan ini juga telah dinyatakan oleh bahagian kesihatan⁴ yang mengatakan bahawa penyalahgunaan dadah boleh mendatangkan pelbagai risiko pada tubuh badan sehingga menyebabkan individu yang menagih dadah itu tidak sedar atau ketagihan untuk mendapatkan dadah dengan apa saja cara sekalipun perlu mencuri.

Ini juga terbukti sepertimana yang telah dinyatakan didalam beberapa kes di negara ini yang telah melakukan jenayah mencuri 15 meter kabel bawah tanah dari kawasan terbuka di Jalan Binglu Tengah, Kampung Tanah Jambu antara Januari hingga Jun lalu serta mengambil Methylamphetamine pada 16 Januari 2013.⁵

⁴ <https://idoc.pub/documents/kesan-dan-punca-penyalahgunaan-dadah-vnd5z809rrlx>

⁵ <https://mediapermata.com.bn/padah-curi-ambil-dadah/>

Di negara jiran juga iaitu Miri ada menyatakan seorang lelaki yang ditangkap kerana mencuri tiga tin susu di sebuah kedai di Miri Times Square. Penjenayah tersebut adalah seorang penagih dadah tegar.⁶

c) Pengaruh Kawan

Sebanyak 4.9 peratus daripada jawapan responden masyarakat beranggapan bahawa kebanyakan penjenayah yang terlibat dalam jenayah curi ini telah dipengaruhi oleh rakan sebaya atau kawan, kerana masa yang banyak terluang bersama mereka. Misalan, jika seseorang itu berhadapan dengan masalah baik dari segi kewangan atau masalah lain, kawan atau rakan sebayalah tempat mengadu dan meluahkan perasaan. Jika kawan itu memberi idea yang singkat seperti mencuri untuk mendapatkan sumber kewangan kemungkinan kawan itu terperangkap dan menjadi penjenayah curi adalah tinggi. Ini terbukti dengan jawapan daripada banduan iaitu sebanyak 17 orang telah menyatakan bahawa sebab mereka melakukan jenayah adalah disebabkan pengaruh kawan.

Perkara ini telah pun disebutkan di dalam surah At-Taubah ayat 119 iaitu mengenai peranan dan pengaruh kawan yang mafhumnya adalah "*Wahai orang-orang yang beriman! Takutlah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu bersama-sama orang yang bersifat benar*" (Surah At-Taubah: 119). Ayat ini secara halus mengingatkan untuk sentiasa bersama orang yang benar, benar dari segi tutur kata, peradaban dan tingkahlaku. Ini adalah salah satu cara untuk pencegahan dari terlibat dengan jenayah ini.

Ayat ini juga disokong dengan hadis Rasulullah Sallahu 'Alaihi wassalam tentang berkawan dengan penjual, imyak wangi dan tukang besi. Hadis diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Abu Musa Al'Asy'ari, bermaksud: "*Diumpamakan rakan yang soleh dan rakan yang jahat ialah seperti (berkawan) dengan penjual minyak wangi dan tukang besi. Penjual minyak wangi tiada akan mensia-siakan anda, saama ada anda membelinya tau hanya mendapat bau aromanya harumannya. Tukang besi pula mungkin boleh membakar pakaian kamu atau kamu akan mencium bau yang tidak sedap atau mendapat bau busuk daripadanya*" (Hadis riwayat Al-Bukhari)

⁶ <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/754326/curi-3-tin-susu-sebab-nak-beli-dadah>

d) Pengabaian ibubapa dan keluarga

Sebanyak 4.95 peratus daripada responden masyarakat telah menyatakan bahawa faktor lain yang menyumbang kepada jenayah ini adalah disebabkan hubungan keluarga yang kurang baik. Tidak dinafikan ini juga salah satu faktor yang berkaitan dengan jenayah ini kerana terdapat juga daripada kalangan responden banduan yang terlibat mempunyai hubungan keluarga yang bermasalah.

Kenyataan ini disokong dengan teori *sosial bond* iaitu antaranya ialah *attachment to other* iaitu rasa kasih sayang dan hormat kepada seseorang seperti mewujudkan perasaan kasih sayang anak-anak kepada ibubapa, suami kepada isteri dan seumpamannya. Teori tersebut juga menerangkan mengenai komitmen iaitu rasa terpancar dalam masyarakat agar tidak mahu mempertaruh risiko untuk melakukan jenayah seperti rasa tanggungjawab seseorang anak untuk menjaga ibubapa di masa tua, jika jadi penjenayah tidak ada orang yang akan menjaga mereka. Penglibatan iaitu menyumbang masa dan tenaga dalam aktiviti yang dibenarkan, seperti mengisi masa dengan bersukan dan sebagainya juga antara perkara yang berkaitan dengan teori *sosial Bond* ini.

e) Kecuaian Manusia

.Kecuaian manusia iaitu tuan punya harta tersebut. Seperti meletakkan barang berharga di dalam kereta dengan keadaan yang tidak berselindung, keluar rumah tanpa mengunci pintu, pagar rumah tidak bertutup dan sebagainya. Jika keadaan ini berlaku penjenayah tidak akan membuang peluang untuk mencuri barang-barang tersebut. Adapun faktor ini adalah disokong daripada pendapat As.DSP Md.Nurfairuz Nazri bin Salleh selaku Pemangku Ketua Unit Siasatan Khas.

5.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajiselidik mendapati bahawa tahap pendidikan agama seseorang memainkan peranan penting dalam menentukan seseorang itu tidak terjerumus kepada perkara yang bertentangan dengan syara'. Punca utama yang mendorong adalah kerana kesempitan wang meskipun dikalangan banduan itu mempunyai pekerjaan

yang tetap namun kemungkinan tidak mencukupi yang memaksa mereka untuk melakukan jenayah curi bagi memenuhi keperluan hidup disamping faktor lain ialah pengaruh dadah, kawan, hubungan dengan keluarga dan kecuaiian manusia itu sendiri.

Dengan mengetahui beberapa faktor yang mendorong terjadinya jenayah curi dan rompak ini diharap akan dapat membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan kes jenayah ini dengan sedaya upaya menghindari beberapa faktor yang telah diperolehi ini dengan sebaiknya.

Rujukan

Al-Quran Al-Kariim

Al-'Asqalaniyy, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. (1421H/2001) Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhariyy. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah

Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2013. Negara Brunei Darussalam.

Jumlah Penduduk Brunei Darussalam Tahun 2022 dan Perkembangannya (oriflameid.com)

Brunei — statistik, demografi dan unjuran penduduk 2022 (zhujiworld.com)

<https://idoc.pub/documents/kesan-dan-punca-penyalahgunaan-dadah-vnd5z809rrlx>

<https://mediapermata.com.bn/padah-curi-ambil-dadah/>

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/754326/curi-3-tin-susu-sebab-nak-beli-dadah>